

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JKE 318/317 – Perdagangan Antarabangsa**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di atas buku soalan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

...2/-

  
807



Soalan 1 (16 markah)

Pertumbuhan hasil daripada peningkatan jumlah penduduk (tenaga buruh) sahaja sentiasa merugikan baik untuk ekonomi negara besar maupun ekonomi negara kecil. Bincangkan.

## Soalan 2 (12 markah)

'Pertumbuhan akibat daripada perkembangan teknologi yang pesat dapat meningkatkan kebajikan penduduk melalui kesan kekayaan. Walau bagaimanapun, ia juga boleh menyebabkan kemerosotan syarat niaga yang terlalu serius sehingga tingkat kebajikan rakyat jatuh jika dibandingkan dengan keadaan sebelum pertumbuhan.' Berpandukan kepada gambarajah yang berkaitan, terangkan kenyataan tersebut.

Soalan 3 (10 markah)

i) Jelaskan maksud kadar perlindungan tarif berkesan.

ii) Kadar perlindungan tarif berkesan ( $e$ ) boleh dihitung berdasarkan persamaan yang berikut: (4 markah)

$$e = [t - a.ti] \div [1 - a]$$

$t$  ialah kadar tarif terhadap barangan akhir

$ti$  ialah kadar tarif terhadap input pertengahan

$a$  ialah nisbah kos input pertengahan kepada kos barangan akhir tanpa tarif


Berasaskan maklumat dalam jadual di bawah, dapatkan kadar perlindungan tariff berkesan ( $e$ ) untuk barangan  $A$ ,  $B$  dan  $C$ . Barangan manakah harus anda keluarkan sekiranya anda ingin mendapat perlindungan yang tertinggi. Jelaskan.

Barangan	$t$	$ti$	$a$
$A$	20%	20%	0.2
$B$	20%	10%	0.2
$C$	20%	30%	0.2

(6 markah)


Soalan 4 (10 markah)

Rajah yang berikut menunjukkan pasaran cakera padat di sebuah negara kecil yang telah mengenakan tarif terhadap import cakera padat pada kadar  $w$  seunit. Adakah masyarakat negara ini akan menikmati keuntungan jika tarif ini dihapuskan? Terangkan.



Soalan 5 (17 markah)

Rajah di bawah menunjukkan pasaran beras di sebuah negara kecil. Pengeluar domestik telah diberikan subsidi pengeluaran pada kadar  $wb/unit$ .



i) Wujudkah kesan penggunaan hasil daripada pemberian subsidi ini? Terangkan.

(3 markah)

ii) Adakah pemberian subsidi ini mempengaruhi perdagangan negara ini? Terangkan.

(2 markah)

iii) Apakah kesan-kesannya jika subsidi ini dihapuskan? Terangkan.

(3 markah)

...7/-

- iv) Di dalam rajah yang sama tandakan kadar tarif import yang harus dikenakan supaya ia memberi kesan ke atas jumlah import yang sama dengan kesan daripada subsidi pengeluaran sebanyak wb/unit.

(3 markah)

- v) Polisi manakah lebih efisien jika objektif kerajaan ialah untuk mengawal jumlah import beras? Bincangkan.

(6 markah)

...8/-



Soalan 6 (20 markah)

Terangkan perbezaan di antara:

i) Keluk tawaran dan keluk permintaan

(7 markah)

ii) Intensiti faktor dan kekayaan faktor.

(6 markah)

- iii) Cukai eksport dan menghadkan eksport secara sukarela (VER).

(7 markah)

...10/-

Soalan 7 (15 markah)

Apakah yang dimaksudkan dengan ciptaan dagangan hasil daripada penubuhan kesatuan kastam? Adakah penubuhan kesatuan kastam sentiasa menguntungkan ahli-ahlinya? Bincangkan.

Angka Giliran \_\_\_\_\_

[JKE 318/317]

- 11 -

- 0000000 -

818